



**PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) 3.0 FASA 1
BAGI TEMPOH 15 JUN SEHINGGA 28 JUN 2021**

GARISPANDUAN PELESENAN IMPORT DAN EKSPORT KAYU

Garis panduan ini merupakan rujukan untuk pihak industri dan digunakan dalam tempoh **Perintah Kawalan Pergerakan 3.0 Fasa 1, yang berkuatkuasa mulai 15 sehingga 28 Jun 2021**. Industri kayu dikategorikan sebagai *non-essential sector* dan tidak dibenarkan beroperasi, namun dikecualikan untuk sektor pembungkusan dan pengangkutan barangan yang diperlukan oleh *essential sector*.

1. Selaras dengan saranan Ketua Setiausaha Negara bertarikh 30 Mei 2021, semua Pejabat dan Kaunter Pelesenan MTIB ditutup sehingga 28 Jun 2021.
2. Kelulusan untuk permohonan seperti berikut adalah ditangguhkan:
 - a. Pendaftaran baharu dan pembaharuan pendaftaran syarikat. Namun permohonan boleh dikemukakan melalui sistem MCS dan kelulusan diberikan selepas tamat tempoh PKP;
 - b. Kelulusan Sijil MYTLAS, Permit Import/Eksport CITES, Sijil *Statement of Legality Timber Sources* (SLTS), Kuota Eksport Kayu Getah (KGB) dan semua kelulusan khas, kecuali untuk keperluan tertentu; dan
 - c. Permohonan Pemindahan Barang (K3) kayu dan produk kayu daripada Semenanjung Malaysia ke Sabah dan Sarawak.
3. Secara dasarnya, permohonan permit import dan eksport yang dihantar kepada MTIB dalam tempoh PKP3.0 Fasa Pertama tidak akan diproses.
4. Namun MTIB boleh mempertimbangkan memberi kelulusan permit eksport yang diperlukan sekiranya syarikat:
 - a. Mendapat **kebenaran beroperasi dalam tempoh PKP oleh MITI** berdasarkan sektor dan sub-sektor yang diperlukan oleh sektor *essential* (perlu mengemukakan surat MITI); atau
 - b. Mendapat **kebenaran memuatnaik barangan siap (*Loading & Stuffing Ready Goods*) oleh MTIB** bagi produk kayu yang telah siap dan sedia untuk dieksport.

5. Manakala kelulusan untuk **urusan pergerakan dan logistik** adalah di luar kawalan MTIB.
6. Permohonan seperti 4(b) boleh dibuat oleh pihak syarikat pengeksport dengan syarat berikut:
 - a. Syarikat berdaftar sebagai *Timber Exporter* (TE) dengan MTIB;
 - b. Barangan eksport yang tertakluk kepada permit eksport MTIB sahaja;
 - c. Barangan telah siap dan sedia untuk dimuatnaik dalam kontena atau lori;
 - d. Telah membuat permohonan permit eksport (*declaration*) dalam sistem MCS;
 - e. Mengemukakan butiran permohonan kepada pejabat MTIB yang berkenaan.
7. Surat kebenaran adalah tertakluk untuk menjalankan kerja-kerja memuatnaik barang ke dalam kontena dan lori sahaja. Kebenaran adalah untuk hari **Isnin, Rabu dan Jumaat** sahaja, dari jam 8.00 pagi sehingga jam 8.00 malam sahaja. Sila pastikan tarikh permohonan pemeriksaan fizikal adalah mengikut hari yang ditetapkan (jika pemeriksaan dibuat di premis kebenaran memuatnaik barangan siap oleh MTIB).
8. Pemantauan operasi syarikat-syarikat yang diberikan kebenaran operasi akan dijalankan oleh Unit Penguatkuasaan MTIB dari masa ke semasa.
9. Perubahan maklumat ke atas permit eksport yang telah diluluskan dalam tempoh 1 Jun sehingga 28 Jun 2021 adalah tidak dibenarkan. Sebarang tuntutan pemulangan ses/levi tidak akan dilayan.
10. Bagi aktiviti pengimportan, permohonan dengan dokumen yang lengkap perlu dikemukakan melalui email kepada pegawai di pejabat MTIB Wilayah yang berkenaan, untuk kelulusan dan pelepasan dengan syarat **konsignasi telah sampai di pelabuhan atau pintu masuk**, serta tertakluk kepada pemeriksaan fizikal oleh MTIB.
11. Semua permohonan permit yang telah diluluskan diwajibkan memohon pemeriksaan fizikal. Lokasi pemeriksaan fizikal hanyalah di kawasan pelabuhan, gudang komersil dan premis yang mendapat kebenaran beroperasi oleh MITI atau MTIB sahaja.
12. Sebarang pertanyaan atau aduan boleh menghubungi talian berikut:

a). Unit Pendaftaran	Pn. Sh. Hasreena (013-2409481) dan Pn. Nurul Faedah (011-16379722);
b). Unit Pelesenan	Pn. Shahira (012-2614282) dan En. Ikhsan (019-5469944);
c). Unit Penguatkuasaan	En. Azro (019-3226048), En. Hanapi (019-3868552) dan En. Nordin (013-3620607).